



GARIS PANDUAN LHDNM

PROSEDUR PENGEMUKAAN BORANG NYATA TERPINDA

1. Pengenalan

- 1.1 Mulai Tahun Taksiran 2009, peruntukan seksyen 77B Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967) telah diperkenalkan untuk membenarkan pembayar cukai membuat pindaan sendiri (self amendment) ke atas maklumat atau taksiran dalam Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) yang dikemukakan mengikut peruntukan subseksyen 77(1) atau 77A(1) ACP 1967.
- 1.2 Dari pindaan yang dibuat, pembayar cukai akan dikenakan cukai / cukai tambahan atas pendapatan bercukainya.
- 1.3 Pembayar cukai yang ingin membuat pindaan sendiri dikehendaki mengisi Borang Nyata Terpinda (BNT) yang ditetapkan di bawah seksyen 152 ACP 1967.

2. Pengemukaan Borang Nyata Terpinda

- 2.1 Pembayar cukai yang ingin membuat pindaan sendiri boleh mencetak BNT berserta Nota Panduan dari laman web LHDNM.

2.2 BNT yang telah dilengkapkan dan ditandatangani hendaklah dihantar ke cawangan yang mengendalikan fail cukai pendapatan masing-masing.

3. Peraturan Pindaan Sendiri Melalui Borang Nyata Terpinda

3.1 Pindaan sendiri boleh dibuat dengan mengemukakan BNT dalam tempoh enam (6) bulan selepas tarikh ditetapkan bagi pengemukaan BNCP. Contohnya adalah seperti di jadual.

TT	Kategori Pembayar Cukai	Tarikh Ditetapkan Bagi Pengemukaan BNCP	Tempoh Bagi Pengemukaan BNT
2009	Syarikat, Koperasi dan Badan Amanah (Borang C, CS, TA, TC dan TR) yang tutup akaun pada 31 Disember 2009	31 Julai 2010 (7 bulan dari tarikh tutup akaun)	1 Ogos 2010 hingga 31 Januari 2011
2009	Tiada Punca Pendapatan Perniagaan (Borang BE , M, TP, TJ, TF)	30 April 2010	1 Mei 2010 hingga 31 Oktober 2010
2009	Punca Pendapatan Perniagaan (Borang B, M, TP, TF dan TJ)	30 Jun 2010	1 Julai 2010 hingga 31 Disember 2010

Jika pembayar cukai mengemukakan BNT pada atau sebelum tarikh ditetapkan bagi pengemukaan BNCP ia akan dianggap sebagai rayuan biasa.

3.2 Pindaan sendiri hanya boleh dibuat sekali sahaja dan dibenarkan kepada pembayar cukai yang telah mengemukakan BNCP dalam tempoh ditetapkan.

3.3 Pembayar cukai dibenarkan untuk membuat pindaan sendiri ke atas maklumat atau taksiran bagi membetulkan kesilapan dalam BNCP berhubung dengan:

- i. Pendapatan berkurang / tidak lapor;
- ii. Perbelanjaan / tuntutan lain yang melebihi tuntutan; atau
- iii. Elaun modal / insentif / pelepasan yang melebihi tuntutan.

3.4 Taksiran asal atau taksiran tambahan yang berpunca daripada pindaan sendiri oleh pembayar cukai adalah tertakluk kepada kenaikan cukai mengikut perenggan 77B(4)(a) dan (b) ACP 1967. Pembayar cukai dikehendaki untuk mengira sendiri dan memasukkan amaun kenaikan cukai ini pada ruangan yang disediakan dalam BNT yang dikemukakan.

Amaun kenaikan cukai adalah seperti berikut:

- i. Mengikut perenggan 77B (4)(a) ACP 1967 jika BNT dikemukakan dalam tempoh 60 hari dari tarikh ditetapkan di bawah subseksyen 77A (1) atau 77(1) ACP 1967, amaun kenaikan cukai yang dikenakan adalah 10% daripada amaun cukai atau cukai tambahan.
- ii. Mengikut perenggan 77B(4)(a) ACP 1967 jika BNT dikemukakan selepas tempoh 60 hari tetapi tidak lewat daripada enam (6) bulan dari tarikh ditetapkan di bawah subseksyen 77A atau 77(1) ACP 1967, amaun kenaikan cukai yang dikenakan adalah berdasarkan formula berikut:

$$\mathbf{B + [(A + B) x 5\%]}$$

di mana:

A = amaun cukai atau cukai tambahan; dan

B = 10% daripada amaun cukai atau cukai tambahan (A x 10%)

- 3.5 Sekiranya **BNCP asal dikemukakan dalam tempoh yang ditetapkan tetapi terdapat kesilapan pengiraan**, BNT yang diterima akan dianggap sebagai pengakuan sukarela yang tertakluk kepada Rangka Kerja Audit. Taksiran asal / tambahan akan dikeluarkan dan penalti di bawah subseksyen 113(2) ACP 1967 akan dikenakan berdasarkan kadar yang dinyatakan di dalam Rangka Kerja Audit.
- 3.6 BNT yang dikemukakan oleh pembayar cukai akan dianggap sebagai pengakuan sukarela sekiranya **BNCP diterima selepas tempoh yang ditetapkan**. Taksiran asal / tambahan akan dikeluarkan dan penalti di bawah subseksyen 113(2) ACP 1967 akan dikenakan berdasarkan kadar yang dinyatakan di dalam Rangka Kerja Audit.
- 3.7 BNT yang dikemukakan oleh pembayar cukai **dalam tempoh yang ditetapkan** akan dianggap sebagai pengakuan sukarela sekiranya **terdapat kesilapan pada pengiraan cukai**. Taksiran asal / tambahan akan dikeluarkan dan penalti di bawah subseksyen 113(2) ACP 1967 akan dikenakan berdasarkan kadar yang dinyatakan di dalam Rangka Kerja Audit.
- 3.8 BNT yang dikemukakan oleh pembayar cukai akan dianggap sebagai pengakuan sukarela sekiranya **BNT diterima selepas tempoh 6 bulan yang dibenarkan**. Taksiran asal / tambahan akan dikeluarkan dan penalti di bawah subseksyen 113(2) ACP 1967 akan dikenakan berdasarkan kadar yang dinyatakan di dalam Rangka Kerja Audit.
- 3.9 Pembayar cukai tidak layak mengemukakan BNT sekiranya **Ketua Pengarah telah membuat taksiran pindaan** mengikut peruntukan seksyen 91 ACP 1967 dalam tempoh enam (6) bulan selepas tarikh akhir pengemukaan BNCP. Walau bagaimanapun, jika pembayar cukai ingin membuat pindaan atas taksiran yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah,

beliau bolehlah membuat pengakuan secara sukarela mengikut Rangka Kerja Audit.

3.10 Bagi pindaan yang dibuat selain dari keadaan yang dinyatakan pada perenggan 3.3 (pindaan biasa) pembayar cukai tidak perlu mengemukakan BNT sebaliknya boleh terus mengemukakan pindaan berkenaan melalui surat serta melampirkan dokumen sokongan. Surat berserta dokumen sokongan berkenaan perlu dikemukakan kepada cawangan LHDNM yang mengendalikan fail cukai pendapatan masing-masing.

4 Tarikh Cukai Perlu Dijelaskan

4.1 Mengikut peruntukan subseksyen 103(1A) ACP 1967, cukai atau cukai tambahan termasuk kenaikan cukai yang dikenakan di bawah seksyen 91A ACP 1967 hendaklah dijelaskan pada tarikh BNT dikemukakan.

4.2. Bagi BNT yang dikemukakan dalam tempoh 60 hari selepas tarikh akhir pengemukaan BNCP, kenaikan cukai tambahan sebanyak 5% akan dikenakan jika cukai tambahan (termasuk kenaikan cukai 10%) gagal dijelaskan dalam tempoh 60 hari tersebut.

4.3. Pindaan sendiri melalui BNT juga tertakluk kepada kenaikan cukai di bawah subseksyen 107B(4) ACP 1967 [kes selain syarikat, koperasi dan badan amanah] dan subseksyen 107C(10) ACP 1967 [kes syarikat, koperasi dan badan amanah], jika terdapat perbezaan melebihi 30% di antara cukai sebenar mengikut BNT dan anggaran asal/anggaran pindaan.

4.4. Walau bagaimanapun, Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk meremitkan kenaikan di perenggan 4.2 dan 4.3 mengikut peruntukan berikut :

i Subseksyen 103(9) ACP 1967 bagi cukai yang gagal dibayar

- ii Subseksyen 103(1A) ACP 1967 bagi cukai yang lewat dibayar; dan
- iii Subseksyen 107B(6) atau subseksyen 107C(11) ACP 1967 bagi kenaikan di bawah subseksyen 107B(4) dan subseksyen 107C(10) ACP 1967.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

30 November 2010